

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN**

KAWASAN : **SELAYANG**

TARIKH : **1 APRIL 2015 (RABU)**

NO. SOALAN : **32**

Y.B. TUAN TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan sama ada permit import automotif diluluskan (AP) akan dihapuskan dan jikalau tidak, sebab-sebab untuk tidak berbuat demikian.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini juga terdapat 273 barisan tariff/ produk automotif yang dikenakan syarat Lesen Import (AP) di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2012 yang ditadbir oleh Kementerian ini. Antara produk-produk automotif tersebut adalah:

- kenderaan baharu dan terpakai dalam bentuk siap sepenuhnya (CBU);
- kenderaan dalam bentuk terungkai sepenuhnya (CKD);
- casis dilengkapi enjin untuk kenderaan baharu; dan
- casis dan kabin terpakai.

Dasar pengeluaran Lesen Import ini dikenakan oleh Kerajaan adalah bagi:

- tujuan pemantauan dan pengumpulan data;
- memastikan pembangunan tersusun industri automotif tempatan;
- meningkatkan daya saing industri automotif tempatan; dan
- menggalakkan penglibatan usahawan Bumiputera dalam sektor automotif selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

Dasar semasa pengeluaran AP untuk produk-produk tersebut adalah seperti berikut:

- (i) import kereta dan motorsikal secara pasang siap sepenuhnya (CBU) bagi tujuan komersil hanya dibenarkan untuk kenderaan jenis kereta dan motorsikal sahaja tidak meliputi kenderaan perdagangan. Import CBU dibenarkan kepada syarikat yang telah diluluskan sebagai syarikat pemegang AP Francais (bagi pengimportan CBU baharu) dan syarikat pemegang AP Terbuka (bagi pengimportan CBU terpakai berumur 1-5 tahun);
- (ii) import kenderaan CBU secara *one-off* untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan kajian pra-pemasangan dibenarkan untuk semua jenis kenderaan kepada syarikat-syarikat yang telah diluluskan Lesen Pengilang untuk menjalankan aktiviti pengeluaran dan pemasangan kenderaan. Ini bagi membantu

syarikat menjalankan R&D dan kajian pra-pemasangan sebelum operasi pemasangan tempatan secara CKD sebenar dijalankan;

- (iii) import kenderaan secara CKD dan casis dilengkapi enjin untuk kenderaan baharu dibenarkan untuk semua jenis kenderaan kepada syarikat-syarikat yang telah diluluskan Lesen Pengilang dan kelulusan model untuk menjalankan aktiviti pengeluaran dan pemasangan kenderaan tempatan secara CKD; dan
- (iv) import casis dan kabin terpakai dibenarkan hanya untuk kenderaan perdagangan kepada syarikat-syarikat yang telah diluluskan Lesen Pengilang bagi menjalankan aktiviti bina semula kenderaan (*rebuilt*) perdagangan.

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa menyemak semula dasar pengeluaran AP ke atas produk-produk automotif. Sebagaimana ahli Yang Berhormat sedia maklum, di bawah Dasar Automotif Nasional, Kerajaan telah memutuskan untuk memansuh:

- (i) dasar AP Terbuka adalah pada 31 Disember 2015;
- (ii) import casis dan kabin terpakai bagi menjalankan aktiviti bina semula kenderaan (*rebuilt*) perdagangan pada 31 Disember 2015;
- (iii) dasar AP Francais pada 31 Disember 2020.

Pemansuhan dasar AP Terbuka dan import casis dan kabin terpakai bagi industri *rebuilt* pada 31 Disember 2015 akan menyebabkan tiada lagi pengimportan kenderaan import CBU, casis dan kabin terpakai

dibenarkan ke dalam negara dan hanya kenderaan baharu sahaja dibenarkan diimport.

Walau bagaimanapun, menyedari akan kepentingan sumbangan dasar AP Terbuka kepada pembangunan sosio ekonomi negara, Kerajaan sedang dalam peringkat akhir memuktamadkan satu kajian mendalam dan menyeluruh mengenai AP Terbuka. Kajian ini antara lain bertujuan untuk mengkaji kesan Dasar AP Terbuka kepada pembangunan sektor automotif tempatan.

Bagi produk-produk automotif yang lain pula, tiada lagi cadangan untuk menghapuskan keperluan Lesen Import pada masa ini bagi memastikan pembangunan dan daya saing industri automotif tempatan dapat terus ditingkatkan.